

Kesungguhan, kebanggaan, prestij

Aspirasi Penyenggaraan Cerun 2021

Pintas Utama Sdn Bhd, telah mencapai pelbagai kejayaan sejak 27 tahun penubuhannya. Kejayaan ini adalah didorong dengan kekuatan projek-projek Pintas Utama yang berpaksikan kepada penggunaan teknologi terkini yang memberikan impak positif dan berkualiti tinggi.

Ketua Pegawai Eksekutif Pintas Utama, Datuk Ir Marhalim Mohamed berkata, pelbagai kejayaan yang diperoleh sejak penubuhannya membolehkan Pintas Utama yang merupakan syarikat bumiputera menerima pengiktirafan CIDB Score 5 Bintang daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) baru-baru ini.

“Pintas Utama memiliki kepakaran kejuruteraan awam yang membolehkan kerja-kerja pembinaan jalan, cerun dan pembetulan sentiasa memberikan hasil menakjubkan sejajar dengan kemampuannya memanfaatkan perkembangan teknologi terkini,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Selari dengan hasrat Kementerian Kerja Raya (KKR) untuk memperkasakan imej kementerian dan membina hubungan yang baik dengan pengguna jalan raya, Pintas Utama telah mengambil langkah-langkah efektif bagi membantu pihak kerajaan menggalakkan pertumbuhan ekonomi melalui sektor pembinaan serta menyediakan satu prasarana yang selamat untuk pengguna jalan raya.

Ia juga selari dengan hasrat Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof pada Majlis Aspirasi KKR 2021 yang mahukan penyenggaraan infrastruktur negara perlu dilaksanakan secara berkualiti pada setiap masa dan pada bila-bila masa.

Untuk itu, dalam tempoh 2018 sehingga 2020, Pintas Utama sudah membaik pulih lebih 700 cerun pelbagai kategori di



sepanjang jalan negeri dan jalan persekutuan di Semenanjung Malaysia bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya.

Pintas Utama berazam mahu memulakan tahun 2021 dengan penuh berwawasan sejajar dengan aspirasi KKR yang sentiasa berkeinginan untuk memberi kebaikan kepada pengguna berlandaskan prinsip ‘Pride, Passion & Prestige’ sempena moto Hari Aspirasi KKR 2021.

Menurut Marhalim, bencana tanah runtuh akibat faktor cuaca tropika negara dan sikap manusia yang rakus dengan aktiviti pembangunan sehingga menjejaskan kestabilan cerun-cerun sedia ada menjadi antara kekangan besar yang perlu diha-rungi.

“Apabila soal keselamatan dan kesejahteraan menjadi asas utama yang ditekankan,



Wakil pihak Pintas Utama Sdn Bhd mengadakan lawatan ke tapak runtuhan cerun di FT002 Seksyen 320 Jalan Kuala Lumpur – Kuantan pada 5 Januari lalu.

sudah pasti kerja-kerja menambah baik dan pencegahan cerun dilaksanakan penuh teliti serta cekap.

“Kami juga menawarkan jaminan kontrak selama dua tahun untuk *Defect Liability Period* dan lima tahun khusus untuk *Design Guarantee Bond* sebagai usaha memperkasa pengurusan kecekapan cerun yang menjadi komitmen utama Pintas Utama,” jelasnya.

Peluang pekerjaan

Pintas Utama turut menjalinkan kerjasama dinamik dengan Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Mara (UiTM). Kerjasama strategik ini membolehkan Pintas Utama untuk fokus kepada bidang Kajian dan Pembangunan (R&D) produk-produk pembinaan terkini yang lebih efektif dan efisien.

“Pada masa sama, pelbagai peluang pekerjaan dapat dibuka kepada lepasan graduan untuk memohon Program Protege di bawah seliaan Pintas Utama sekali gus mengurangkan kadar pengangguran semasa negara,” katanya.

Pintas Utama juga memanfaatkan trend media sosial masa kini apabila segala perkembangan semasa berkaitan kerja-kerja yang sedang dilaksanakan sentiasa dikekalkan di akaun-akaun media sosial seperti laman web Pintas Utama, Twitter dan Instagram yang membolehkan pengguna jalan raya merancang perjalanan mereka.

Selain itu, Pintas Utama menggariskan kecekapan tenaga kerja dengan memperkasa pengurusan runtuhan cerun melibatkan kawalan keselamatan tapak dan menyediakan jalan lencongan sementara, berdasarkan kapasiti 250 tenaga kerja teknikal yang akan ditambah mengikut keperluan.

Pintas Utama turut bekerjasama rapat dengan Cawangan Kejuruteraan Cerun JKR dan JKR daerah untuk memastikan perancangan kerja berjalan lancar termasuk se-

gala maklumat kejadian cerun runtuh dapat dikemaskini serta ditangani dengan segera.

Pintas Utama juga melatih dan melantik lebih 200 syarikat kontraktor G1-G4 bumiputera untuk bersama-sama membentuk pasukan cerun yang mantap dengan penyediaan bantuan kewangan.

Ia dibuat melalui pembelian bahan-bahan binaan dan bantuan kepakaran lain untuk memastikan kerja tapak berjalan lancar dan ekonomi kontraktor-kontraktor bumiputera ini terus berkembang selaras dengan inisiatif kerajaan membangunkan kontraktor kecil.

Secara keseluruhannya ia dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 2,000 anak tempatan.

Jamin kesejahteraan

Meskipun Pintas Utama komited terhadap penambahbaikan cerun namun tanggungjawab terhadap alam sekitar tidak dilupakan apabila pihaknya mengamalkan konsep menambah baik teknologi hijau sedia ada.

Kerja-kerja penyelenggaraan yang lebih mesra alam dilakukan selaras dengan kerangka PSO KKR 2021 – 2025 iaitu mempertingkatkan penggunaan teknologi hijau dalam industri pembinaan.

Tahun 2021 terus menjadi tahun yang mencabar namun Pintas Utama optimis dan sentiasa memanifestasikan penyelesaian efektif bagi memastikan kestabilan dan keselamatan cerun di sepanjang jalan persekutuan dan jalan negeri di Semenanjung Malaysia berada pada tahap selamat.

“Pintas Utama sentiasa lebih fokus dan bersiap siaga untuk kekal sebagai peneraju industri kejuruteraan infrastruktur dan pembinaan yang dipercayai serta akan terus menjamin kesejahteraan pengguna berbekalkan semangat dinamis dan tahap integriti yang tinggi supaya pengguna terus percaya serta yakin dengan perkhidmatan kami,” ujarnya.

ASPIRASI CERUN KKR 2021

